

# **PERLINDUNGAN PENGGUNA DI BAWAH AKTA KAWALAN BEKALAN 1961 (PINDAAN 2006)**

Afida Mastura Muhammad Arif  
Pusat Kecemerlangan Kajian Penggunaan Lestari  
Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia

## **Pengenalan**

Kebelakangan ini banyak isu yang timbul tentang bekalan makanan yang tidak mencukupi untuk pengguna. Para pengguna pernah berhadapan dengan isu kekurangan gula, tepung, beras, ayam dan minyak masak yang menjadi keperluan asas pengguna. Justeru, artikel ini ingin mengupas lebih lanjut mengenai undang-undang yang mengawal bekalan makanan dan barang-barang untuk pengguna. Undang-undang yang berkaitan ialah Akta Kawalan Bekalan 1961 (Pindaan 2006) Akta 122 ('Akta 122') dan Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan 1974. Undang-undang ini bertujuan untuk memberi kuasa kepada kerajaan untuk mengawal dan mencatu bekalan barang-barang apabila keadaan memerlukan. Terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi penawaran bekalan makanan dan barang-barang pengguna, seperti kenaikan harga bahan mentah dunia, pergolakan politik dan bencana alam. Akta ini memastikan wujudnya keseimbangan dalam pasaran, iaitu barang-barang kawalan ini mudah didapati dan dijual pada harga yang berpatutan dalam setiap keadaan. Justeru, menjadi satu kesalahan di bawah Akta 122 ini jika barang-barang kawalan disorok, dihentikan pengeluaran tanpa sebab yang munasabah, enggan dijual atau dikenakan syarat yang tidak berpatutan. Akta ini dikuatkuasakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Pelaksanaan Akta 122 ini juga dilihat sebagai satu cara untuk menyokong salah satu hak pengguna, iaitu untuk mendapat keperluan asas.

## **Barang-barang kawalan di bawah akta**

Akta 122 memperuntukkan kuasa menetapkan barang-barang kawalan, iaitu makanan dan keperluan asas untuk keperluan pengguna bagi tujuan pemantauan dan pengawalan di pasaran. Apabila sesuatu barang diisytiharkan sebagai barang kawalan atau catuan, kerajaan akan mengawal pengeluaran, pengedaran, penjualan dan pensetoran barang tersebut. Hal ini bertujuan untuk mengelakkan berlakunya aktiviti memanipulasi bekalan

barang-barang oleh golongan yang tidak bertanggungjawab. Walau bagaimanapun, tidak semua barang keperluan disenaraikan sebagai barang kawalan. Akta 122 dan Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan 1974 telah menetapkan tiga jenis barang kawalan, iaitu barang kawalan sepanjang masa, barang kawalan berjadual dan barang kawalan musim perayaan.

## **Barang-barang kawalan sepanjang masa**

Tujuan barang-barang ini dikawal sepanjang masa adalah untuk memastikan barang-barang ini mudah didapati dan untuk mencegah kegiatan menyorok barang-barang. Melalui kegiatan ini, para peniaga yang tidak beretika mampu mengaut keuntungan yang berlipat ganda kerana menyebabkan harga barang di pasaran melambung naik ekoran permintaan yang tinggi. Barang-barang kawalan ini juga bermaksud untuk menstabilkan harga barang-barang perlu. Senarai barang-barang tersebut adalah seperti yang berikut:

1. Gula
2. Susu termasuk susu pekat, susu tepung atau susu kering dan susu cair
3. Garam
4. Tepung gandum
5. Minyak masak
6. Baja
7. Racun serangga
8. Cuka getah atau apa-apa cuka lain yang digunakan untuk membekukan getah
9. Minyak tanah
10. Ikan yang disediakan atau diawet di dalam bekas kedap udara
11. Beras dari semua jenis (Sabah sahaja)
12. Padi (Sabah sahaja)
13. Petrol, spirit motor dan gasolin motor dari semua gred
14. Bahan api diesel
15. Gas petroleum cecair (LPG)
16. Semua jenis roti
17. Ayam (sama ada segar, disejukkan atau dibekukan)
18. Minyak bahan api
19. Kayu getah bagi negeri-negeri Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak
20. Simen dan klinker
21. Bar bulat keluli lembut
22. Topeng muka (pembedahan/perubatan)

Pengedaran barang-barang tersenarai di atas dikawal sepanjang masa kerana melibatkan keperluan asas pengguna. Pada tahun 2009 contohnya, topeng muka menjadi barang-barang kawalan serta-merta berikutan wabak selesema babi (H1N1) dan permintaan yang tinggi terhadap topeng ini untuk menutup mulut dan hidung.

## **Barang-barang kawalan berjadual**

Barang-barang kawalan berjadual pula merujuk kepada barang-barang keperluan yang lebih kritikal, iaitu para pengilang dan pengedar dikehendaki mendapatkan lesen untuk menjual barang-barang tersebut. Langkah ini bertujuan untuk memastikan bahawa stok simpanan dan pengedaran barang-barang kawalan dapat diawasi oleh kerajaan. Terdapat 11 barang kawalan berjadual yang disenaraikan oleh Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan, yang bekalannya dikenal pasti menimbulkan masalah. Barang-barang tersebut adalah seperti yang berikut:

1. Gula
2. Tepung gandum
3. Minyak masak
4. Baja kimia
5. Minyak tanah
6. Petrol, spirit motor dari semua gred
7. Bahan api disel
8. Bar bulat keluli lembut
9. Simen
10. Gas petroleum cecair
11. Roti
12. Ayam

## **Barang-barang kawalan musim perayaan**

Pada musim perayaan, pengguna berasa risau jika bekalan barang keperluan tidak mencukupi. Bagi mengelakkan perkara ini berlaku, sebanyak 25 jenis barang telah dikenal pasti sebagai barang-barang kawalan musim perayaan. Para pegawai penguatkuasa KPDNKK menjalankan pemeriksaan di semua premis perniagaan, termasuk di kedai runcit menjelang musim perayaan untuk memastikan bekalan barang-barang keperluan pengguna ini sentiasa mencukupi. Barang-barang tersebut adalah seperti yang berikut:

1. Semua jenis mentega
2. Semua jenis keju
3. Semua jenis majerin

4. Semua jenis minuman kotak dan botol yang halal
5. Semua jenis ragi dan esen membuat kuih-muih dan gula-gula
6. Jeli dan agar-agar
7. Daging dan jeroan mentah atau jeruk
8. Ayam, itik dan burung-burung lain
9. Telur belum berkulit dan telur jeruk
10. Buah-buahan yang diimport – mentah segar atau dijeruk
11. Bawang besar dan bawang merah
12. Bawang putih
13. Cili kering
14. Lada hitam dan semua jenis rempah
15. Kelapa, sebiji atau yang diparut
16. Semua jenis kacang
17. Semua jenis kacang tanah
18. Cendawan dan kulat
19. Minyak sapi
20. Asam jawa
21. Makanan dari laut dikeringkan atau dijeruk
22. Tepung beras
23. Tepung beras pulut
24. Tepung jagung
25. Ubi kentang

Akta 122 bertindak memastikan bekalan barang kawalan seperti yang disenaraikan di atas mencukupi untuk pengguna pada sepanjang musim perayaan. Di samping bekalan yang mencukupi, KPDNKK juga memantau harga barang kawalan ini di kawasan pasar yang menjadi tumpuan pengguna di seluruh negara melalui Skim Kawalan Harga Musim Perayaan (SKHMP). SKHMP telah dilaksanakan sejak tahun 2000 di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (dahulunya dikenali sebagai Akta Kawalan Harga 1946). Melalui skim ini, harga maksimum ke atas barang kawalan seperti di atas telah ditetapkan supaya pengguna mudah mendapatkan bekalan barang tersebut pada harga yang terkawal.

## **Peruntukan di bawah Akta 122**

Akta ini mengandungi 30 seksyen. Fokus utama Akta 122 ialah kuasa Pengawal<sup>1</sup> dan kesalahan-kesalahan di bawah Akta. Hal ini selaras dengan tujuan Akta 122 untuk memastikan pengguna mudah mendapatkan barang-barang kawalan. Dalam keadaan tertentu pula, seperti bencana alam dan

---

<sup>1</sup> Pegawai Pengawal merupakan seorang penjawat awam yang dilantik sebagai Pengawal Bekalan di bawah Akta 122.

sebagainya, Akta 122 boleh digunakan sepenuhnya bersama-sama kuasa-kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 untuk menentukan bekalan mencukupi pada harga yang berpatutan. Berikut ialah perbincangan tentang peruntukan penting dalam Akta 122, iaitu berkenaan pelesenan, penguatkuasaan Akta 122 dan kesalahan-kesalahan serta hukuman yang diperuntukkan.

## **Pelesenan**

Sistem pelesenan ialah elemen penting untuk menyokong sesuatu undang-undang dan untuk memastikan keberkesanannya. Borrie (1982) menyatakan bahawa pelesenan memastikan sesuatu perniagaan mematuhi syarat-syarat tertentu sebelum menjalankan perniagaan. Hal ini bertujuan untuk memastikan bahawa pengguna berurusan dengan peniaga yang jujur dan tidak mengeksploitasi mereka. Seksyen 7 Akta 122 dan Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan 1974 menggariskan bahawa pengilang, pemborong dan penjual runcit barang-barang kawalan berjadual hendaklah mempunyai lesen untuk menjual barang-barang tersebut. Seperti yang dibincangkan di atas, terdapat 11 barang kawalan berjadual yang bekalannya sering mendatangkan masalah. Lesen Barang-barang Berjadual dikeluarkan oleh Pengawal Bekalan mengikut Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan 1974. Jumlah yuran untuk lesen adalah berbeza-beza, bergantung pada pihak yang memohon. Pengilang harus membayar yuran RM50 untuk tempoh lesen selama setahun. Jumlah maksimum ialah lima tahun dengan yuran sebanyak RM250. Yuran tahunan untuk pengedar ialah RM25 sementara penjual runcit RM10. Selepas memegang lesen selama lima tahun, pengilang, pengedar dan penjual runcit haruslah memohon lesen baharu.

Menurut Perintah Kawalan Bekalan (Pengecualian) 1991, penjual runcit barang-barang berjadual seperti gula, tepung gandum, minyak masak, minyak tanah dan baja kimia dikecualikan daripada pelesenan. Bagi roti pula hanya pengilang sahaja yang perlu mendapatkan lesen. Walau bagaimanapun, pengecualian ini telah ditarik balik pada tahun 2010 dan semua peniaga yang menjual barang kawalan termasuk gula dan minyak masak secara runcit diwajibkan memiliki lesen runcit barang-barang kawalan. Langkah ini diambil untuk memastikan bekalan barang-barang kawalan tidak diseleweng oleh mana-mana pihak. Oleh itu, peruncit yang menjual barang-barang kawalan perlu mempunyai lesen yang dikenakan bayaran RM10 setahun. Apabila lesen dikeluarkan oleh Pengawal Bekalan, pengilang, pengedar atau peniaga runcit hendaklah berupaya untuk menunjukkan lesen tersebut apabila diminta oleh Pengawal Bekalan. Justeru, menjadi satu kesalahan dan boleh dikenakan hukuman jika pengilang, pengedar atau peniaga runcit gagal untuk menunjukkan lesen tersebut.

Menurut Seksyen 7(2) Akta 122, Pengawal Bekalan mempunyai kuasa untuk mengeluarkan atau memperbaharu lesen. Pengawal juga boleh mengubah sebarang syarat yang difikirkan perlu, menggantung, membatalkan atau tidak memperbaharu lesen atau permit pada bila-bila masa tanpa perlu memberikan sebarang penjelasan (Seksyen 7(5)). Walau bagaimanapun, Pengawal Bekalan hendaklah menggunakan budi bicaranya dengan adil. Jika ada pihak yang tidak berpuas hati dengan keengganan Pengawal Bekalan untuk mengeluarkan atau memperbaharu lesen, mereka boleh merayu terhadap keputusan ini kepada Menteri. Keputusan yang dibuat Menteri adalah muktamad (Seksyen 7(6)).

## **Penguatkuasaan Akta**

Peranan pegawai penguatkuasa sangat penting untuk menguatkuasakan undang-undang. Oleh itu, pegawai penguatkuasa di bawah Akta 122 diberi kuasa untuk memasuki premis dan memeriksa serta menyita barang-barang. Mereka juga menjalankan penyiasatan dan mempunyai kuasa untuk menangkap orang yang disyaki melakukan kesalahan di bawah Akta.

## **Sistem penguatkuasaan**

Penguatkuasaan yang efektif ialah elemen yang terpenting dalam undang-undang perlindungan pengguna. Tanpa penguatkuasaan, Akta yang digubal dengan baik pun boleh dianggap sia-sia (Goode, 1989). Menurut Rachagan (1997) serta Howells dan Weatherill (2005), kritikan terhadap undang-undang pengguna di kebanyakan negara membangun adalah terhadap penguatkuasaan yang tidak berkesan. Sistem penguatkuasaan seharusnya disokong oleh tenaga kerja yang mencukupi dan oleh pegawai-pegawai yang terlatih untuk menjalankan tugas penguatkuasaan (Mohd. Said, 1990).

## **Kuasa untuk mendapat maklumat**

Di bawah Seksyen 8 Akta 122, Pengawal Bekalan atau pegawai bekalan boleh memohon secara bertulis untuk mengarahkan sesiapa untuk memberikan maklumat berkaitan pembekalan, termasuklah kuantiti dalam kawalan, kos yang dibelanjakan, harga yang dikenakan dan maklumat lain yang diperlukan. Penguatkuasa juga boleh menyiasat dokumen-dokumen yang berkaitan dengan bekalan.

## **Kuasa untuk memasuki premis**

Pegawai penguatkuasa mempunyai kuasa untuk memasuki premis dengan kebenaran bertulis untuk menyiasat lebih lanjut jika mempercayai kesalahan

di bawah Akta 122 telah dilakukan di premis tersebut (Seksyen 9). Mana-mana pihak yang menghalang para penguatkuasa daripada menjalankan tugasnya dianggap melakukan kesalahan di bawah Akta 122 ini.

## **Kuasa untuk menangkap, merampas, menyiasat dan mendakwa**

Kuasa untuk menangkap, merampas, menyiasat serta mendakwa ialah satu bidang kuasa yang sangat besar dalam sesuatu penyiasatan. Akta 122 juga mempunyai peruntukan sedemikian. Malah, kuasa ini diperluaskan bukan sahaja kepada Pengawal Bekalan atau pegawai bekalan tetapi juga kepada pegawai polis berpangkat inspektor ke atas dan pegawai kastam jika diberi kuasa secara bertulis oleh Pengawal (Seksyen 10). Pihak ini boleh menangkap tanpa menggunakan waran jika dipercayai suspek telah melakukan kesalahan di bawah Akta. Jika suspek ditahan, kes suspek hendaklah dikendalikan di bawah Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593). Selain kuasa menangkap tanpa waran, mandat juga diberi untuk merampas bekalan yang disyaki boleh menjadi bukti. Menurut Seksyen 11, Pengawal Bekalan atau pegawai bekalan juga mempunyai kuasa untuk mengambil hak milik barang kawalan termasuk juga kenderaan dan kapal jika dipercayai kenderaan atau kapal tersebut digunakan untuk melakukan kesalahan yang terdapat dalam Akta.

## **Kesalahan-kesalahan dan hukuman**

Terdapat sembilan jenis kesalahan yang disenaraikan di bawah Akta 122, seperti yang diringkaskan dalam Jadual 1 di bawah.

**Jadual 1: Kesalahan-kesalahan di bawah Akta 122**

<b>Seksyen</b>	<b>Kesalahan</b>
14	Menjual barang-barang kawalan melebihi kuantiti yang dibenarkan.
15	Menyorok atau memusnahkan barang-barang kawalan supaya barang-barang kawalan tersebut disekat daripada memasuki pasaran.
16	Menjual barang-barang kawalan tanpa mempunyai lesen yang sah.
16A	Penafian palsu memiliki atau enggan menjual barang-barang kawalan.
17	Peruncit yang tidak mempamerkan lesen serta senarai barang-barang kawalan dan catuan.

**Jadual 1(sambungan)**

<b>Seksyen</b>	<b>Kesalahan</b>
18	Sesiapa yang memperolehi atau cubaan untuk memperolehi makanan catuan untuk penggunaan isi rumah. Peruncit yang membekalkan atau cuba untuk membekalkan makanan catuan untuk penggunaan isi rumah.
19	Meletakkan syarat-syarat yang menyalahi undang-undang semasa menjual barang-barang kawalan.
20	Memindahkan barang-barang kawalan daripada premis perniagaan. Menyimpan barang-barang kawalan selain di premis yang tercatat di dalam lesen.
21	Memiliki barang-barang kawalan secara menyalahi undang-undang.

Jenis-jenis kesalahan yang disenaraikan di atas adalah seiring dengan matlamat Akta untuk mengawal aktiviti mencatu bekalan. Oleh itu, pemantauan dijalankan dari aspek kuantiti barang-barang yang dibenarkan dan menghalang kegiatan menyorok atau memunsnahkan bekalan. Barang-barang kawalan dan catuan hendaklah dimiliki dengan cara yang sah. Justeru, aspek pelesenan amat ditekankan dan para penjual mesti mempunyai lesen yang sah. Barang-barang kawalan juga mestilah disimpan di premis yang dinyatakan dalam lesen dan tidak boleh dialih ke tempat lain. Peruncit pula bertanggungjawab untuk mempamerkan lesen asal mereka di tempat yang mudah dilihat oleh para pengguna. Di samping itu, peruncit juga perlu mempamerkan senarai barang-barang kawalan atau catuan kepada pengguna. Senarai tersebut hendaklah ditulis dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Pengawal juga berhak untuk mengarahkan agar senarai tersebut diterjemah ke apa-apa bahasa yang lain.

Sesiapa yang melakukan kesalahan-kesalahan di atas boleh didakwa di Mahkamah dan jika didapati bersalah boleh didenda atau dipenjarakan. Individu yang didapati bersalah boleh dihukum denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali. Bagi kesalahan yang seterusnya, pesalah boleh didenda tidak melebihi RM250,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya. Bagi syarikat pula, jika disabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM250,000 dan bagi kesalahan yang berikutnya tidak melebihi RM500,000. Denda yang dikenakan ini telah dinaikkan jumlahnya semasa pindaan pada tahun 2006. Sebelum pindaan tahun 2006, jumlah asal bagi kesalahan yang dilakukan oleh individu hanyalah RM15,000 bagi kesalahan pertama dan RM25,000 bagi kesalahan seterusnya. Bagi syarikat pula, denda asal hanyalah RM25,000 dan RM50,000 bagi kesalahan seterusnya. Kenaikan



denda yang amat tinggi dan berbelas-belas kali ganda daripada jumlah asal menunjukkan betapa seriusnya kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Akta 122 ini. Selain itu, tindakan ini juga boleh menjadi pengajaran yang sewajarnya kepada para peniaga.

Apabila seseorang itu disabitkan dengan kesalahan di bawah Akta 122, Mahkamah yang mensabitkannya itu boleh mengarahkan agar lesennya dibatalkan atau melarang individu/syarikat daripada mendapatkan lesen baharu pada suatu jangka masa yang ditentukan atau selama-lamanya. Mahkamah juga boleh menggantung lesen bagi satu jangka waktu yang ditetapkan.

## **Kompaun**

Ada juga kesalahan di bawah Akta 122 yang boleh dikompaun. Pengawal Bekalan atau pegawai bekalan yang diberi kuasa boleh mengkompaun kesalahan dengan menerima bayaran kompaun daripada mereka yang melakukan kesalahan. Apabila bayaran telah diterima, tindakan tidak boleh diambil lagi terhadap kesalahan tersebut. Jika ada barang-barang yang dirampas berkaitan kesalahan tersebut, barang-barang tersebut hendaklah dipulangkan dengan syarat-syarat yang ditetapkan.

## **Perundangan subsidiari di bawah Akta 122**

Akta 122 juga mempunyai peruntukan subsidiari yang berupa peraturan-peraturan yang menyokong dan memperjelaskan lagi Akta 122.

- **Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan 1974 [ P.U (A)103/74]**  
Peraturan bertujuan mengawal pengeluaran, pengedaran, simpanan dan jualan barang-barang kawalan melalui pelesenan. Peraturan ini mewajibkan semua pengilang, pengedar, pemborong dan penjual runcit barang-barang kawalan tersebut mempunyai lesen yang dikeluarkan di bawah peraturan ini.
- **Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan (Pengkompaunan Kesalahan-kesalahan) 2001 [ P.U (A) 176/2001]**  
Peraturan ini menetapkan prosedur pengkompaunan kesalahan di bawah Akta 122.
- **Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan (Larangan Eksport) 2000 [ P.U (A) 367/2000]**  
Peraturan ini melarang pengeksportan tepung gandum dan bahan api diesel (melebihi 20 liter) kecuali bagai pengilang untuk memenuhi

obligasi kontrak dengan mana-mana orang di luar Malaysia dan mestilah mendapatkan surat kebenaran untuk mengeksport daripada Pengawal Bekalan.

- **Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan (Ayam) 1996 [ P.U (A) 18/96]**  
Peraturan ini bertujuan untuk menstabilkan bekalan ayam melalui pelesenan. Semua pemborong dan penjual runcit ayam diwajibkan mempunyai lesen yang dikeluarkan di bawah peraturan ini dan mematuhi syarat-syarat yang dinyatakan di dalam lesen tersebut.
- **Perintah Kawalan Bekalan (Penandaan Barang-barang Kawalan) 2006 [P.U (A) 379/06]**  
Perintah ini bertujuan untuk membentasi penyelewengan minyak diesel bersubsidi dengan melaksanakan program Nanotag.

## **Peranan Pengguna**

Akta 122 memastikan keseimbangan dalam pasaran dan bekalan barang keperluan yang cukup untuk pengguna. Hal ini selari dengan hak pengguna untuk mendapat keperluan asas. Dalam pada itu, pengguna juga harus menjalankan tanggungjawab sebagai seorang pengguna untuk menegakkan hak ini. Pertama, pengguna harus melibatkan diri dan mengambil tahu akan hal ehwal semasa berkenaan dengan kepenggunaan. Jika isu berhubung dengan kawalan bekalan timbul, pengguna haruslah bertindak secara rasional. Sebilangan pengguna bertindak terburu-buru memborong barang-barang keperluan tersebut apabila terjadinya masalah bekalan dan ini akan menimbulkan rasa panik dan memburukkan keadaan. Kedua, jika pengguna mempunyai maklumat tentang kegiatan menyorok barang-barang kawalan, laporkan kepada pihak KPDNKK secepat mungkin supaya tindakan dapat diambil. Ketiga, pengguna harus bersatu padu kerana inilah tindakan yang paling berkesan dan boleh menambah kekuatan serta suara pengguna. Ikutilah arahan kerajaan dengan baik kerana kerajaan mempunyai pelan tindakan jika berhadapan dengan masalah bekalan barang-barang keperluan.

## **Penutup**

Isu kekurangan bekalan barang-barang keperluan pengguna di pasaran adalah isu bermusim yang timbul ekoran pelbagai faktor yang kadangkala tidak dapat dielakkan. Terdapat tiga jenis barang kawalan iaitu barang kawalan sepanjang masa, barang kawalan berjadual dan barang kawalan musim perayaan yang telah ditetapkan di bawah Peraturan Kawalan Bekalan untuk

memastikan bekalan yang cukup kepada pengguna sepanjang masa. Penguatkuasaan Akta 211 memainkan peranan penting untuk membentaras aktiviti penyelewengan bekalan seperti menyorok barang. Di samping itu, pengguna juga mempunyai peranan untuk menyokong usaha KPDNKK dengan menjalankan tanggungjawab sebagai pengguna yang bijak.

## Rujukan

Borrie, G.J. (1982). Legal and administrative measures of consumer protection in the United Kingdom,” in Eastham, N. & Krivy, B. (edit). *The Cambridge Lectures 1981*. Toronto: Butterworths.

Goode, R.M. (1989). *Consumer Credit Law*. London: Butterworths.

Howells, G. & Weatherill, S. (2005). *Consumer Protection Law*, 2nd ed. Hants: Ashgate.

Mohd Said Md Zin. (1990). The Role of Enforcement, Ministry of Trade and Industry. A paper presented at the *National Complaints Handling Workshop*. 4-6 May 1990. Kuala Lumpur, Malaysia.

Rachagan, S. (1997). Consumer protection in the rapidly developing economies of South-East Asia: A case study from Malaysia. Ramsay, I. (edit). *Consumer Law in the Global Economy: National and International Dimensions*. Hants: Ashgate Publishing Ltd.